0372

U 8202 AAB
MAHATHIR - MCA

MELAKA, 10 DIS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI BERKATA BELIAU BELUM MENDAPAT BUTIR-BUTIR LANJUT MENGENAI TINDAKAN ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN AMPANG JAYA, DR LIM ANN KHOON, MENGOSONGKAN KERUSINYA SEMALAM.

+SAYA CUMA DENGAR DIA LETAK JAWATAN,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT GERAI-GERAI PAMERAN SEMPENA SAMBUTAN JUBLI PERAK KEMAS DI PUSAT EKSPO AIR KERUH, DEKAT SINI, PETANG INI.

DR LIM, YANG JUGA SETIAUSAHA MCA NEGERI SELANGOR, TELAH MENYERAHKAN SURAT MENGOSONGKAN KERUSI PARLIMEN KAWASAN AMPANG JAYA MELALUI PEGUAMNYA KEPADA SPEAKER DEWAN RAKYAT, TAN SRI ZAHIR ISMAIL, PAGI SEMALAM.

KETIKA DITANYA ADAKAH PENGOSONGAN KERUSI ITU ADA KENA-MENGENA DENGAN HUBUNGAN ANTARA MCA DAN UMNO, PERDANA MENERI BERKATA: +BAGAIMANA SAYA HENDAK MEMBUAT KOMEN MENGENAI PERKARA ITU... SAYA TIDAK TAHU.+

MENGENAI DAKWAAN KONONNYA PENGOSONGAN KERUSI ITU DISENGAJAKAN OLEH MCA, DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PENGERUSI BARISAN NASIONAL (BN), BERKATA: +SAYA TIDAK BOLEH BUAT TUDUHAN.+ -- LAGI
1926MST 10 12 88

U 8203 AAB
MAHATHIR - MCA 2 MELAKA

KETIKA DITANYA OLEH PEMBERITA MENGENAI DUA SYARAT YANG DIKEMUKAKAN OLEH BEKAS ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI (MT) UMNO, DATUK SHAHRIR ABDUL SAMAD, DALAM AKHBAR HARI INI, PERDANA MENTERI BERKATA: +SAYA TIDAK MAHU KOMEN. SAYA TIDAK MAHU MEMBAHASKANNYA DALAM AKHBAR.+

ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN JOHOR BAHARU ITU BERKATA BELIAU AKAN HANYA MENERIMA TAWARAN UNTUK MENDUDUKI MT SEKIRANYA BEKAS KETUA CAWANGAN DAN BAHAGIAN YANG DIPILIH SEBELUM PERHIMPUNAN AGUNG TAHUN LEPAS TURUT DITAWARKAN MENYERTAI UMNO.

SATU LAGI SYARATNYA IALAH UMNO SEKARANG MENERIMA PEMIMPIN-PEMIMPIN TERSEBUT DI BAWAH PERLEMBAGAAN LAMA PARTI.

EMPAT LAGI BEKAS ANGGOTA MT YANG TURUT DITAWARKAN TEMPAT DALAM MT UMNO IALAH DATUK RADZI SHEIKH AHMAD, DATUK PADUKA HAJAH RAHMAH OSMAN, DATUK ZAINAL ABIDIN ZIN DAN HAJAH MARINA YUSOF.

PERDANA MENTERI DAN ISTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI MENGHABISKAN MASA HAMPIR DUA JAM MELAWAT GERAI-GERAI PERTANDINGAN, DEMONSTRASI DAN JUALAN DI SEKITAR KAWASAN PUSAT EKSPO ITU. -- LAGI
1928MST 10 12 88

U 8204 AAB
MAHATHIR - MCA 3 MELAKA

DEMONSTRASI DAN PAMERAN DI GERAI-GERAI TERSEBUT AKAN BERLANGSUNG SELAMA DUA HARI.

KIRA-KIRA 1,500 ORANG PENYELIA DAN ANGGOTA KEMAS DARI SELURUH NEGARA MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM SAMBUTAN JUBLI PERAK ITU.

YANG TURUT MENGIRINGI PERDANA MENTERI DAN ISTERI IALAH KETUA MENTERI, DATUK SERI ABDUL RAHIM TAMBY CHIK, DAN ISTERINYA, DATIN SERI ZABEDAH HAJI ABDULLAH, DAN KETUA PENGARAH KEMAS, ENCIK OTHMAN SAID. -- BERNAMA
1929MST 10 12 88